

13 MAR 2000

TITAN-PENGELUARAN

TITAN TAMBAH KAPASITI PENGELUARAN 150 PERATUS

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Titan Petrochemicals & Polymers Bhd, pengendali loji petrokimia bersepadu pertama Malaysia, telah menambah kapasiti pengeluarannya sebanyak 150 peratus dengan siapnya program pembesaran Fasa II yang menelan belanja RM3.2 bilion.

Titan kini mempunyai kapasiti pengeluaran melebihi 1,200,000 tonnes metrik berbagai jenis produk seperti "ethylene, propylene, polyethylene, polypropylene, benzene dan toluene", setahun.

"Kapasiti yang lebih besar memberikan faedah skala ekonomi dan kapasiti tambahan bagi memenuhi permintaan domestik dan serantau yang semakin bertambah," kata Pengarah Urusan James Chao.

"Bagi ekonomi Malaysia, ini bermakna gantian import dan pendapatan eksport yang besar ertinya, satu sumbangan positif sebanyak RM3 bilion setahun kepada imbalan pembayaran negara," katanya.

Program pembesaran Fasa II Titan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di loji di Pasir Gudang, kira-kira 45 km dari sini hari ini.

Daripada jumlah pengeluaran, 50 peratus diedarkan kepada sektor fabrikasi tempatan sementara bakinya dieksport. Syarikat itu menjangkakan akan menjana pertumbuhan perolehan lebih RM2 bilion dan juga pertumbuhan dalam tahap keuntungan.

Titan adalah usahasama Kumpulan Chao dari Amerika Syarikat dengan ekuiti 54 peratus dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) menerusi PNB Equity Resource Corporation Sdn Bhd (PERC), memegang bakinya. -- BERNAMA

MKO JR